



SCHOOL OF COMPUTING

SEMESTER I 2020/2021

UHMS11822 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

TUGASAN INDIVIDU

TAJUK: REFLEKSI KURSUS

NAMA DAN NO MATRIK: TIE SING HAO A20EC0168

PENSYARAH

PM DR. HASHIM FAUZY

Bahagian A

Etika dan peradaban adalah konsep yang sangat penting dalam masyarakat. Etika dan peradaban merupakan panduan kepada tingkah laku manusia dan proses mereka membuat keputusan. Kursus ini memberikan peluang kepada saya untuk menguasai ilmu pengetahuan tentang etika dengan lebih mendalam iaitu tentang di mana etika berlaku. Mengimbas kembali topik dan maklumat yang dikemukakan dalam kursus UHMS1182 Penghayatan Etika dan Peradaban, saya merasakan seolah-olah pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan saya meningkat. Kursus ini bukan sahaja memaparkan topik menarik untuk dipelajari, tetapi juga meningkatkan kemampuan saya untuk melihat situasi yang berbeza daripada pelbagai sudut pandangan. Hal ini telah meningkatkan kemampuan saya untuk melihat keadaan moral, sosial, atau etika tertentu dan merumuskan pendapat yang tidak berat sebelah dan tidak diskriminatif.

Selain itu, melalui kumpulan tugas iaitu membuat report tentang pelbagai tajuk berkaitan etika, saya dapat meningkatkan kemampuan saya untuk meneliti maklumat yang berkaitan dengan situasi moral, sosial, dan etika yang berbeza dengan menggunakan pelbagai jenis media. Saya kemudian dapat mengaplikasikan maklumat yang saya kaji untuk membentuk pandangan atau pendapat yang munasabah dan masuk akal mengenai dilema moral, sosial, atau etika. Kursus ini juga mengajar saya untuk menganalisis situasi atau masalah sosial yang kompleks dan menilai serta menawarkan penyelesaian alternatif. Sepanjang kursus ini saya telah memperolehi kemampuan untuk mengenali, menganalisis, dan menghadapi masalah etika dan tanggungjawab sosial dalam persekitaran sosial. Kursus ini juga telah mengajarkan kepada saya keperluan yang semakin meningkat untuk bekerja dengan berkesan dalam organisasi yang pelbagai seperti dalam persekitaran perniagaan global yang sentiasa berubah dan dinamik.

Di samping itu, tugas kumpulan yang diberikan dalam kursus ini mendatangkan banyak kebaikan kepada saya daripada segi cara menganalisis, membincangkan dan meneroka idea dan soalan anda sendiri dan mendapatkan maklum balas daripada ahli kumpulan saya. Tugas kumpulan juga memberikan peluang untuk mengembangkan kemahiran generik saya seperti kemahiran berorganisasi, kemahiran perwakilan, berkomunikasi yang berkesan, kemahiran bekerjasama dan juga kemahiran kepimpinan. Semua kemahiran ini adalah merupakan kualiti berharga yang akan diberi perhatian dan dihargai selepas kita meninggalkan universiti.

Sehubungan dengan itu, tugas pembentangan secara berkumpulan yang terdapat dalam kursus ini juga memberi banyak faedah kepada saya. Selain daripada meningkatkan penyertaan pelajar di dalam kelas, saya dapat memperolehi ilmu pengetahuan tambahan yang tidak terdapat dalam kuliah daripada pembentangan yang disampaikan oleh rakan sekelas, iaitu pengetahuan tentang perwujudan masyarakat beretika menurut perlembagaan, etika bermasyarakat dalam membina masyarakat bersatu padu, etika dan hubungannya dengan alam sekitar, etika dalam penggunaan teknologi, etika dalam menggunakan media baru, etika berpolitik, isu-isu integriti di Malaysia, pengamalan etika yang baik dalam perniagaan dan bersikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.

Melalui tajuk perwujudan masyarakat beretika menurut perlembagaan dan etika bermasyarakat dalam membina masyarakat bersatu padu, saya dapat melihat usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju sepenuhnya dan menubuhkan masyarakat yang penuh moral dan etika iaitu warganya berada kuat dalam nilai keagamaan dan kerohanian dan disemai dengan piawai etika yang tertinggi. Undang-undang boleh didefinisikan sebagai suatu peraturan rasmi yang wujud di dalam perlembagaan telah dikenali oleh pihak kerajaan untuk mentadbir, mengawal dan menguasai tingkah laku masyarakat. Ringkasnya, ia adalah mekanisma bagi mengawal dan mengekalkan

susunan sosial masyarakat. Secara amnya, standard moral merujuk kepada tingkah laku positif yang perlu ada pada individu seperti hormat-menghormati, berbudi mulia, tolong-menolong dan sebagainya supaya dapat membentuk masyarakat yang harmoni. Manakala undang-undang pula menentang perkara negatif seperti mencuri, membunuh dan memukul yang boleh dihukum melalui sistem perundangan. Oleh hal yang demikian, isu yang menyebabkan dilema etika perlu merujuk kepada undang-undang untuk penyelesaian.

Melalui tajuk etika dan hubungannya dengan alam sekitar, saya telah menyedari bahawa kita hendaklah menyelaraskan hubungan antara manusia dan alam sekitar dan ia merupakan salah satu isu yang paling mendasar yang harus kita hadapi yang disebabkan semakin merosotnya sistem ekologi di mana manusia bergantung dan semakin teruk krisis alam sekitar dan isu ini mesti kita tangani pada hari ini. Etika persekitaran adalah disiplin falsafah yang penting dan ia mempertimbangkan moral dan etika hubungan manusia dengan persekitaran. Dengan kata lain ia menganggap etika asas perlindungan alam sekitar. Kerana kekurangan kesedaran tentang etika ekologi, kita telah mencemarkan persekitaran kita. Akhirnya saya dapat berpendapat bahawa amat pentingnya etika persekitaran kepada masyarakat pada masa kini dan ia sangat diperlukan.

Melalui tajuk etika dalam penggunaan teknologi dan etika dalam menggunakan media baru, saya telah mempelajari bahawa etika penggunaan teknologi amat penting kepada kita kerana ia dapat mencegah kita daripada terjebak kepada perkara yang tidak diingini dan mengelakkan kita daripada jenayah, penyalahgunaan dan malapetaka teknologi. Isu berkenaan etika dalam penggunaan teknologi menjadi suatu perkara yang hangat diperkatakan lebih-lebih lagi pada era teknologi maklumat ini. Kod etika telah diwujudkan untuk memberi garis panduan kepada seseorang pengguna teknologi maklumat dan mengelakkan daripada berlakunya pelbagai penyalahgunaan teknologi maklumat seperti penggodaan, pengeboman e-mel, penyaluran sebarang bahan haram dan sebagainya.

Melalui tajuk etika berpolitik, saya dapat berpendapat bahawa politik tanpa etika hanyalah perebutan kuasa. Sekiranya politik kontemporari kelihatan seperti perebutan kuasa semata-mata, maka politik kita tidak lagi dianut oleh prinsip moral, dan itu adalah perkara buruk. Bahkan hari ini, kebanyakan pemimpin politik di dunia ini menggunakan hujah moral untuk membenarkan dasar, dan mereka yang menyuarakan pendapat politik sebenarnya menyuarakan pendapat moral mereka. Konservatif lebih mengutamakan nilai-nilai politik kestabilan dan tradisi, liberal menekankan pilihan dan persetujuan, dan sosialis menyokong nilai-nilai politik persamaan dan perpaduan. Semua nilai ini adalah nilai moral yang sama pentingnya dalam masyarakat kita. Kami tidak boleh meniadakan salah satu daripadanya. Etika berpolitik adalah usaha untuk menentukan keseimbangan ideal nilai-nilai ini mengikut konteks. Namun, hari ini, dengan meningkatnya emotivisme dalam falsafah moral dan nihilisme dalam politik, adalah umum untuk berfikir bahawa politik tidak memerlukan etika, tetapi hal itu adalah kesalahan.

Melalui tajuk isu-isu integriti di Malaysia dan tajuk bersikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawab, saya mendapati bahawa disebabkan meningkatnya jumlah kes rasuah dan kesalahan berkaitan integriti iaitu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, dan penyelewengan dilakukan oleh penjawat awam, adalah anggapan umum bagi orang ramai untuk mempunyai negatif persepsi terhadap penjawat awam. Semua ini boleh mengakibatkan penurunan keyakinan di kalangan masyarakat terhadap parti pemerintah, terutama mengenai prospeknya untuk terus memerintah negara. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan banyak usaha dalam menentang isu rasuah dan mempromosikan integriti di kalangan masyarakat dan khususnya di kalangan penjawat awam. Penjawat awam juga perlu menyedaru bahawa berapa pentingnya bersikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengurangkan isu-isu integrity di Malaysia.

Melalui tajuk pengamalan etika yang baik dalam perniagaan, saya memperoleh pengetahuan bahawa kejayaan sesuatu syarikat sentiasa bergantung pada etika dalam perniagaan, falsafah pengurusan syarikat dan budaya organisasinya. Sekiranya kita mahu mencapai kejayaan syarikat secara jangka panjang, ingatlah bahawa etika perniagaan lebih diutamakan daripada tahap keuntungan, industri dan ukuran organisasi. Apabila seluruh syarikat menerapkan tingkah laku yang beretika, mereka akan memperoleh hasil yang baik dan berpanjangan. Mereka akan dapat melahirkan dan mengekalkan pekerja yang berbakat dan menarik pekerja yang baru. Mereka akan dapat membina reputasi yang baik dalam bidang industri khusus mereka. Pekerja juga akan merasakan hubungan yang lebih erat dengan pasukan pengurusan, sehingga menjadikan syarikat tetap stabil.

Bahagian B

Saya di sini akan membuat ringkasan mengenai apa yang telah saya pelajari di kuliah mengenai etika. Topik yang diliputi adalah 'Etika dan Peradaban', 'Teori-teori Etika', 'Etika dan Peradaban dalam Kepelbagaian Tamadun: Islam & Melayu', 'Pemantapan Kesepaduan Nasional Melalui Etika dan Peradaban', 'Perlembagaan Malaysia Tiang Seri Etika dan Peradaban', 'Etika dan Peradaban dalam Konteks Budaya dan Komunikasi Kontemporari', 'Peranan Etika Dan Peradaban Dalam Mendokong Tanggungjawab Sosial', dan 'Cabaran Kelestarian Etika dan Peradaban'

Melalui tajuk 'Etika dan Peradaban', saya telah mempelajari latar belakang ilmu etika dan peradaban, definisi etika berdasarkan peradaban Barat, India, China dan Arab dan konsep etika berdasarkan kepada individu, masyarakat, negara dan sejagat. Selepas itu, saya berpendapat bahawa etika adalah sangat penting bagi setiap masyarakat kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku individu dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana sejak awal peradaban manusia, manusia berusaha menjaga tingkah laku manusia agar dapat menjaga keamanan masyarakat. Di mana undang-undang bertulis digunakan untuk mengatur perniagaan dan kejadian rasmi, etika pula bertindak sebagai sistem pemerintahan sendiri untuk menjaga kepentingan diri manusia dan kesejahteraan masyarakat kerana keseimbangan undang-undang tidak selalu dijamin. Oleh itu, prinsip-prinsip asas etika hendaklah kita menjadi sebagai panduan dan amalan dalam kehidupan seharian dan seterusnya mengaplikasikan konsep etika dan prinsip-prinsip asas etika dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap diri sendiri, dalam keluarga, masyarakat, negara dan di peringkat antarabangsa.

Melalui tajuk 'Teori-teori Etika', saya telah mempelajari latar belakang kepada pengenalan teori-teori etika dan jenis-jenis teori etika klasik (Teori Kebaikan dan Teori

Teleologi) dan teori etika moden (Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi). Teori-teori etika tersebut telah menunjukkan kepada kita bahawa kewujudan moraliti yang membolehkan kita membezakan baik dari kejahatan. Teori-teori ini adalah normatif. Oleh itu, timbullah perbezaan pendapat dalam kalangan masyarakat. Dengan itu, saya berpendapat bahawa setiap teori etika mempunyai pandangannya mengenai realiti moraliti dan memberikan kebenaran penting mengenai kehidupan bermoral. Tetapi, tidak ada teori yang boleh mendakwa memiliki keseluruhan kebenaran. Kita hendaklah mengaplikasikan kegunaan teori-teori etika klasik dan moden ini ke dalam kehidupan seharian kerana teori etika membantu kita menyelesaikan pemikiran kita dan mengembangkan asas yang koheren dan wajar untuk menangani persoalan moral.

Melalui tajuk 'Etika dan Peradaban dalam Kepelbagaian Tamadun: Islam & Melayu', saya telah mempelajari hubungan citra dengan etika di dalam tamadun Islam dan Melayu dan juga isu-isu etika dan peradaban dalam tamadun Islam dan Melayu. Dalam sistem etika sosial, nilai-nilai teras yang terkandung dalam tamadun Islam seperti amanah, tolong-menolong, pemurah dan sabar memperlihatkan cita-cita dan matlamat umat manusia ketika mentadbir masyarakat. Sistem etika dalam peradaban Melayu secara umumnya pula amat berkait rapat dengan istilah adat. Adat dikenali sebagai satu sistem atau panduan tingkah laku yang diterima dan digunapakai secara turun-temurun dan dipraktikkan oleh masyarakat akan amalnya sehingga dianggap sebagai satu tradisi yang perlu dilestarikan dan merupakan panduan bagi masyarakat Melayu untuk mengatur perilaku mereka di dalam pelbagai institusi supaya menjamin keamanan dan keharmonian sosial. Oleh itu, saya dapat memuktamadkan bahawa kedua-dua etika dan peradaban dalam tamadun Islam dan Melayu menetapkan masyarakatnya untuk menjaga tingkah laku, kata-kata, fikiran, dan niat mereka dengan bersungguh-sungguh dan mematuhi norma dan kod moral tertentu dan nilai-nilai tersebut kita seharusnya mempelajari.

Melalui tajuk ‘Pemantapan Kesepaduan Nasional Melalui Etika dan Peradaban’, saya telah mempelajari konsep kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional. Etika dan peradaban adalah relevan dengan usaha dan proses untuk mencapai kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional. Untuk mencapai kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional, etika dan integriti haruslah ditingkat untuk memastikan bahawa mereka menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat yang sangat diperlukan. Dengan nilai dan norma yang ada, kejayaan negara kita dapat dikekalkan dan kesejahteraan rakyat akan ditingkatkan.

Melalui tajuk ‘Perlembagaan Malaysia Tiang Seri Etika dan Peradaban’, saya telah memahami sejarah, definisi dan konsep yang berkaitan dengan perlembagaan dan peranan perlembagaan Malaysia. Salah satu peranan penting perlembagaan Malaysia adalah menjadi panduan untuk rakyat Malaysia mengamalkan etika. Kita seharusnya memahami dan menghayati sejarah dan keagungan perlembagaan supaya kemajuan dan keharmonian hidup bermasyarakat dapat dikekalkan dalam konteks negara berbilang kaum. Kita juga perlulah berbangga menjadi bangsa Malaysia yang menghayati etos nasional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan berusaha mempertahankannya.

Melalui tajuk ‘Etika dan Peradaban dalam Konteks Budaya dan Komunikasi Kontemporari’, saya telah diberitahu bahawa konsep penerapan etika dan peradaban dalam konteks budaya dan komunikasi kontemporari dan kepentingan amalan kebebasan bersuara dalam konteks Malaysia. Walaupun kita diberi kebebasan dalam mengeluarkan pendapat dan buah fikiran, kita tidak boleh menyentuh pada isu-isu sensitif yang telah dikenal pasti oleh Parlimen dalam perkara 10(4). Parlimen boleh mengenakan sekatan terhadap kebebasan bersuara melalui undang-undang jika mendapati sekatan tersebut perlu demi kepentingan keselamatan Persekutuan, hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan konsep etika dalam penggunaan media komunikasi dan membina kefahaman tentang konsep media massa, elektronik, cetak dan siber.

Melalui tajuk ‘Peranan Etika Dan Peradaban Dalam Mendokong Tanggungjawab Sosial’, saya telah belajar untuk menghayati kepentingan etika dalam melaksanakan kehidupan seharian sama ada sebagai pelajar atau pekerja kerana etika berfungsi sebagai panduan untuk kehidupan seharian yang bermoral dan membantu kita menilai sama ada tingkah laku kita dapat dibenarkan. penting bagi profesion yang melayani masyarakat. Oleh kerana profesional seperti doktor, peguam, jurutera, dan pengurus harta tanah dan kemudahan menyediakan perkhidmatan yang mempengaruhi kesejahteraan kita, mereka mempratikkan kod etika profesional yang menetapkan standard profesional untuk tingkah laku mereka.

Melalui tajuk ‘Cabaran Kelestarian Etika dan Peradaban’, kita dapat mengenalpasti cabaran-cabaran kelestarian etika dan peradaban dalam konteks di Malaysia iaitu cabaran daripada segi politik, ekonomi, sosial, globalisasi, alam sekitar, sains dan teknologi serta psikologi dan pembinaan karakter. Peranan pelbagai pihak termasuklah kerajaan, masyarakat, ibu bapa dan pendidikan adalah penting untuk menangani cabaran-cabaran tersebut. Sebagai contoh, bagi peranan masyarakat, rukun tetangga boleh menganjurkan program seperti gotong-royong pada setiap hujung bulan bagi memupuk kebersihan antara alam sekitar setempat dan secara tidak langsung juga dapat memupuk hubungan silaturrahim dengan lebih erat antara lapisan masyarakat.

Ini sahaja yang saya kongsikan tentang ringkasan topik telah saya pelajari di kuliah etika. Pada pandangan saya, etika secara umum adalah pemahaman logik tentang betul dan salah yang menetapkan apa yang harus dilakukan dan tidak boleh dilakukan oleh orang-orang sama ada dalam keadilan, kebajikan, kewajiban, atau hak. Etika mempunyai usaha berterusan dalam kepercayaan moral kita sendiri, untuk menjadikan kita orang yang lebih baik di sekitar. Saya berasa bersyukur kerana dapat diberi peluang untuk melibatkan diri dalam kursus ini dan saya akan mengaplikasikan dan mementingkan teori dan konsep etika mula dari sekarang dan pada masa hadapan.

